

26/08/2000

Laksana tanggungjawab dengan kesungguhan

Seri Intan Othman

BELIAU mula dikenali sebagai tokoh korporat berwibawa ketika berusia 36 tahun iaitu ketika memegang jawatan penting dalam projek kereta nasional, Proton Saga.

Datuk Nadzmi Mohd Salleh, 46, kini mengambil alih Mara Holding Sdn Bhd dan turut memegang jawatan sebagai Pengarah Eksekutif Express Railway Link (ERL), satu lagi sistem pengangkutan penting negara yang membawa penumpang dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ke ibu kota di stesen KL Sentral.

Berasal dari Kota Bharu, Kelantan, beliau memulakan kerjaya sebagai pensyarah ekonomi di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 1980 selepas menamatkan pengajian peringkat sarjana muda di bidang Ekonomi dan Sains Kimia serta Matematik di Universiti Ohio, Amerika Syarikat.

Beliau kemudian melanjutkan pelajaran ke Universiti Miami, Amerika Syarikat di peringkat Sarjana di bidang Ekonomi dan Statistik.

Pada 1981, beliau menyertai Petronas Berhad sebagai Eksekutif Pemasaran dan 1982 menyertai Hicom (Heavy Industry Corporation Malaysia Berhad) sebagai Penolong Pengurus Bahagian Projek yang dipertanggungjawabkan menjalankan kajian asas, pengenalan dan pembangunan projek kereta nasional pertama.

Pada 1984, beliau dipinjamkan ke Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON) sebagai Pengurus di Jabatan Pemasaran dan Perkhidmatan, kemudian dilantik sebagai Pengurus Besar (1986) dan Pengarah Urusan (1990).

Beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton) pada 1992, dan kemudian sebagai Timbalan Pengarah Urusan pada tahun yang sama sebelum dilantik menjadi Pengarah Urusan, 1993.

Beliau meninggalkan Proton pada 1996 untuk meneruskan kerjaya di syarikat miliknya sendiri, Trisilco Folec Sdn Bhd yang mana beliau adalah Pengerusi Eksekutif.

Beliau kemudian mengambil alih Mara Holding Sdn Bhd, pada Disember 1996 dan 23 April 1998 sebagai Pengerusi Eksekutif ERL Sdn Bhd.

Ketika ditemubual di pejabat ERL di Bangunan UOA 11, Jalan Pinang, Kuala Lumpur, beliau kini sudah banyak berubah khususnya dari fizikal berbanding ketika di Proton.

"Bagaimanapun, jiwa saya tetap sama dan saya bekerja dengan misi utama untuk membangunkan sektor ekonomi Bumiputera yang masih lagi ketinggalan berbanding kaum lain.

"Saya akan lebih gembira dan bahagia apabila melihat lebih ramai Bumiputera khususnya anak muda yang berjaya di bidang ekonomi dengan menjadi tokoh korporat lebih berjaya daripada saya," katanya.

Menurutnya, faktor kejayaan itu bukan sahaja disebabkan perlunya ada kebijaksanaan, keberanian dan kepakaran bekerja tetapi juga wujudnya peluang yang diberikan.

Ketika itu, katanya ramai yang tidak yakin beliau mampu memikul tanggungjawab sebagai Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Operasi (CEO) kerana kurang pengalaman dan usia yang masih muda.

"Malah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memberinya peluang menerajui projek itu juga berkata beliau tidak berhasrat untuk meletakkan saya di tempat yang tinggi terlalu cepat," katanya.

Bagaimanapun, menurutnya falsafah hidupnya ialah menyempurnakan segala tanggungjawab yang diberikan dengan kesungguhan sehingga berjaya

sepenuhnya, walaupun terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran dan rintangan.

Katanya, untuk berjaya juga memerlukan strategi yang betul contohnya untuk memasarkan kereta perlu memahami kehendak dan cita rasa masyarakat sebenarnya.

Begitu juga dengan Mara Holding yang mempunyai banyak syarikat pengangkutan, amat memerlukan kepakaran dalam mengendalikan operasi dan memastikan ia akan menguntungkan syarikat.

Untuk berjaya juga perlukan kerjasama semua pihak, menerusi kerja secara berpasukan kerana, katanya tanpa kerjasama majikan dan pekerja sesuatu projek yang dilaksanakan sukar untuk berjaya.

Mengenai ERL pula, beliau berkata rakyat negara ini sudah sekian lama menunggu perkhidmatan itu disediakan kerana kedudukan KLIA yang jauh dari ibu kota menyebabkan mereka terpaksa menggunakan perkhidmatan teksi dan bas.

Bagaimanapun ERL menawarkan perkhidmatan yang berbeza kerana ia adalah kereta api laju pertama diperkenalkan di negara ini dengan kelajuan 176 kilometer sejam dan akan memulakan operasi April 2002.

Ia akan memakan masa hanya 30 minit untuk sampai dari KLIA ke KL Sentral yang jauhnya 57 kilometer manakala sebuah lagi perkhidmatan, Commuter Rail Service (CRS) memakan masa 37 minit untuk sampai dan memulakan operasi Jun 2002.

"Ini bukan satu tugas mudah untuk saya laksanakan kerana ketika ditawarkan jawatan, 23 April 1998 kegawatan ekonomi sedang melanda negara dengan teruknya," katanya.

Bagaimanapun berkat kesabaran dan kecekalan sejumlah RM2.4 bilion berjaya dikumpulkan untuk menampung kos projek yang menggunakan keseluruhannya teknologi Jerman yang dikendalikan syarikat Siemens (M) Sdn Bhd.

Projek berkenaan, katanya begitu besar ertinya kepada rakyat dan negara kerana itu beliau sebagai Pengarah Eksekutif yang diberikan tanggungjawab yang berat itu, perlu memastikan ia berjaya dengan cemerlang.

Untuk rancangan masa depannya, beliau bercadang untuk melatih lebih ramai Bumiputera khususnya anak muda di bidang perniagaan dan sektor francais adalah antara yang perlu diberi perhatian rapi.

"Kita masih kekurangan Bumiputera yang berjaya dalam sektor ekonomi berbanding kaum lain yang sudah sekian lama bertapak cemerlang, kerana itu usaha lebih gigih perlu dilaksanakan," katanya.

Bumiputera, katanya perlu mengubah sikap termasuk menghapuskan sikap hasad dengki dengan berlumba-lumba untuk memajukan diri dan sentiasa bersedia berubah mengikut peredaran masa jika tidak mereka akan berada di takuk lama dan ketinggalan zaman.

Sebagai insan, Nadzmi tidak pernah lupa asal-usulnya kerana beliau percaya kepada falsafah berkhidmat untuk pencipta iaitu Allah S.A.W, rakyat dan negara.

"Setiap insan perlu berusaha untuk mencapai kejayaan gemilang dalam hidupnya dan seterusnya membantu golongan yang memerlukan bimbingan kerana lebih ramai berjaya kehidupan masyarakat atau rakyat sesebuah negara itu akan lebih baik," katanya.

Menurutnya, anak muda hari ini perlu diberi peluang serta bimbingan sewajarnya untuk melangkah lebih jauh menempa kejayaan gemilang kerana kejayaan generasi muda akan meletakkan negara ke tahap lebih mantap pada alaf baru ini.

Beliau pernah dianugerahkan Man of The Year oleh majalah Malaysian Business (1986) dan The Outstanding Young Malaysian (1993) dan pada 1994 dilantik menjadi ahli Global Leaders for Tomorrow pada Forum Ekonomi di Davos, Switzerland dan Tokoh Usahawan Melayu Anak Kelantan (1998) oleh

Dewan Perniagaan Melayu Negeri Kelantan.
(END)